

Oleh Hasbi Sidek  
mohd.hasbi@-  
hmetro.com.my

## RUMAH SAMPAH

# Barang dah kurang

Seremban

Tidak banyak perubahan berlaku di rumah milik seorang lelaki yang mengumpul barangan terbuang di Jalan Melati 5, Taman Dusun Setia, meskipun sudah dikenakan tindakan oleh Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Bagaimanapun, barang yang disusun di atas bumbung sudah diturunkan manakala barang yang diletakkan di hadapan rumah kelihatan berkurangan berbanding sebelum ini.

Tinjauan Harian Metro mendapati barangan seperti tong plastik, perabot terbuang, besi buruk dan kotak masih ada di hadapan rumah berkenaan.

Difahamkan, lelaki berkenaan memungkah beberapa barang terpakai berkenaan sejak kelmarin menggunakan lori.

Penduduk, Sabariah Sariman, 69, berkata, dia sedikit lega apabila lelaki berkenaan mula mengalihkan sebahagian timbunan bar-



BARANG yang diletakkan di hadapan rumah kelihatan berkurangan berbanding sebelum ini.

ngan di rumah itu.

"Saya hanya tinggal ber-

sudah uzur di rumah ini.

Saya khawatir sekiranya berlaku apa-apa yang tidak

diingini apabila pelbagai

barang buruk dilonggok-

rumah itu.

"Tilam buruk yang sudah lama diletakkan di hadapan



LAPORAN Harian Metro,  
16 September lalu.

rumah saya juga sudah dialihkan. Namun, saya tidak pasti ke mana semua barang berkenaan diletakkan sejurus ia dialih.

"Saya berharap lelaki itu akan terus mengurangkan barang yang dikumpulkannya. Saya tidak kisah jika itu cara dia mencari rezeki, namun dia perlu memikirkan situasi yang dihadapi jiran terutama yang berada bersebelahan rumahnya," katanya ketika ditemui, semalam.